

Penerokaan hutan punca banjir kilat di UIAM?

KUALA LUMPUR 4 Jun - Banjir kilat di kampus Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak hari ini disifatkan sebagai satu kejadian paling buruk dalam sejarah universiti berkenaan.

Dalam kejadian hujan lebat selama hampir tiga jam hari ini, sejak pukul 2 petang hampir keseluruhan kampus tersebut ditenggelami air sehingga ke paras pinggang.

Selain berpuluh-puluh kenderaan ditenggelami air, kemudahan awam di universiti berkenaan turut rosak. Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat UIAM, Datuk Hamidon Abdul Hamid berkata, hujan lebat berterusan petang tadi menyebabkan beberapa kenderaan ditenggelami air walaupun terdapat dua aliran sungai di sini.

Menurutnya, banjir itu adalah kemuncak musibah selepas kerakusan kerja-kerja penerokaan hutan yang dilakukan pihak tidak bertanggungjawab.

Ekoran penerokaan hutan seluas lima hektar dekat kampus induk

UIAM malu tercemar teruk

Oleh SITI AMIZA KASARI

GOMBAK 15 Mei - Kawasan sekitar kampus induk Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di sini diramalkan masalah pencemaran akan berlaku teruk ekoran pelbagai aktiviti penerokaan hutan seluas kira-kira lima hektar berdekatan dengan kampus tersebut.

Apabila daripada kerja-kerja penerokaan hutan itu, kini beberapa kali sungai yang mengalir di dalam kawasan kampus, kolam-kolam tebatan banjir, kolam serta tasik-tasik rekreasi di universiti itu ditenggelami 'air' dalam tempoh lima tahun lagi.

Pengarah Bahagian Pembangunan UIAM, Datuk Dr. Shafiq Mohamad berkata, pembukaan hutan itu juga menimbulkan masalah banjir kilat di dalam kawasan UIAM yang merupakan kawasan hijau yang subur.

Tinjauan Utusan Malaysia mendapati beberapa anak sungai dari Sungai Pusu yang menjadi saliran utama di kawasan itu teruk tercemar. Akibatnya tersekat oleh timbunan lumpur dan pasir yang menyebabkan sungai menjadi cetek dan mengering manakala kejernihan dan kualiti air terjejas.

Air anak sungai di dalam kawasan kampus, yang selama ini menjadi sumber air untuk pelbagai kemudahan dan fasiliti negara, juga menjadi kotor dan tidak lagi dapat dibersihkan oleh wong UIAM.

"Melihatkan keadaan yang teruk ini, menyebabkan kami di pihak pentadbiran berasa sangat malu. Sebagai sebuah kampus universiti Islam yang dituntut untuk menjadi contoh, penerokaan seperti ini tidak sepatutnya berlaku."

"Sekarang kami menjawab terutamanya apabila pihak pentadbiran dan pihak lain yang terlibat dalam projek ini."



KERATAN Utusan Malaysia 16 Mei

at," katanya.

Beliau berkata, walaupun tidak melibatkan sebarang kemalangan dan kehilangan jiwa, kejadian itu turut mengganggu operasi universiti," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Sebelum ini *Utusan Malaysia* dalam beberapa siri laporan ber-

mula Mac sehingga Jun tahun lalu mendedahkan mengenai pencemaran teruk yang dialami UIAM akibat kerja-kerja penerokaan tanah.

Penerokaan melibatkan kawasan hutan seluas kira-kira lima hektar berdekatan dengan kampus tersebut dipercayai masih berlanjutan sehingga hari ini.

Akibat daripada kerja-kerja pembersihan hutan itu, beberapa anak sungai yang mengalir di dalam kawasan kampus, kolam-kolam tebatan banjir, kolam serta tasik-tasik rekreasi di universiti itu tercemar teruk.

Sementara itu, Pengerusi Bencana Daerah Gombak, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahalan berkata, beliau menerima banyak laporan dan aduan mengenai kejadian banjir kilat berlaku di sekitar Gombak terutama di kampus UIAM dan Kampung Pusu.

"Kejadian banjir kali ini boleh disifatkan paling teruk kerana jika

tidak kerana kerja-kerja penerokaan tanah oleh pihak pemaju berhampiran, ia tidak seburuk ini," katanya.

Beliau yang juga Pegawai Daerah dan Tanah Gombak berkata, masalah ini telah cuba ditangani sejak sekian lama terutama dengan meminta beberapa Jabatan seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengambil tindakan pro aktif.

"Ini termasuk mengarahkan sebuah anak syarikat milik kerajaan negeri melakukan kerja-kerja mengorek dan membuang timbunan-timbunan pasir yang menyekat aliran sungai.

"Tetapi inilah masalahnya, mereka masih tidak mengambil tindakan sewajarnya," katanya.

Beliau berkata, satu mesyuarat teknikal akan diadakan esok bagi membincang dan mengambil tindakan bagi mengelakkan kejadian seumpamanya tidak berulang," katanya.